



BERAPAKAH KEMAMPUAN SAYA?

Kadar faedah untuk pinjaman kereta biasanya dikira berasaskan **kadar sama rata**. Mengikut Akta Sewa Beli 1967, kadar faedah maksimum yang dibenarkan ialah 10% setahun. Kiraan faedah adalah berdasarkan faedah atas jumlah pokok yang dikenakan untuk sepanjang tempoh pinjaman sewa beli.

Pengiraannya boleh dilihat di dalam contoh berikut:

Harga kereta	= RM50,000
Bayaran pendahuluan @ 10%	= RM5,000
Jumlah pinjaman sewa beli	= RM45,000
Kadar faedah (kadar sama rata)	= 5% setahun
Tempoh pinjaman	= 5 tahun (60 bulan)

Pengiraan:

Jumlah faedah yang dikenakan

$$\begin{aligned} &= \text{Jumlah pinjaman} \times \text{Kadar} \times \text{Tahun} \\ &= \text{RM45,000} \times 5\% \times 5 \\ &= \text{RM11,250} \end{aligned}$$

Jumlah pinjaman + Faedah

$$\begin{aligned} &= \text{RM45,000} + \text{RM11,250} \\ &= \text{RM56,250} \end{aligned}$$

Jumlah ansuran bulanan

$$\begin{aligned} &= \text{RM56,250} \div 60 \text{ bulan} \\ &= \mathbf{\text{RM938}} \end{aligned}$$



Rujuk kepada Jadual Perbandingan Sewa Beli di Lampiran 2.2

